

Dr. Mahathir ketua senarai anugerah hari keputeraan Sultan Johor

JOHOR BHARU 27 Okt. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mendahului senarai 1,272 orang yang dianugerahkan darjah-darjah kebesaran, pingat-pingat kehormatan dan perlantikan Jaksa Pendamai sempena hari keputeraan DYMM Sultan Johor ke-85 esok.

Turut menerima darjah kebesaran itu dua orang menteri kabinet dan seorang Timbalan Menteri, iaitu Datuk Abdul Samad Idris, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Dr. Neo Yee Pan, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Encik Chin Hon Ngian, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Datuk Sri Dr. Maha-

thir dianugerahkan Darjah Datuk Sri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) yang membawa gelaran Datuk bersama 12 orang lagi.

Dua orang Exco Kerajaan Johor, Encik Mohd. Yunos Sulaiman dan Haji Jaafar Hamzah adalah di antara yang bergelar "Datuk" baru Johor sempena hari keputeraan Sultan Johor itu dengan menerima anugerah Datuk Paduka Mahkota Johor (DPMJ) bersama 33 orang penerima lain.

Datuk Abdul Samad Idris, Encik Chin Hon Ngian dan Datuk Haji Embong Yahya, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan menerima anugerah Datuk

Setia Ismail Johor yang membawa gelaran Datuk bersama 7 orang lagi.

Seramai 745 orang menerima Pingat Ibrahim Sultan (P.I.S.) pangkat dua, termasuk Encik Shahrir Abdul Samad, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Encik Mohd. Sham bin Sailan, Setiausaha Politik Menteri Penerangan, Haji Ibrahim Ahmad, Setiausaha Politik Menteri Kewangan dan pemberita Bernama di Muar, Encik Abu Bakar Ariffin.

Seramai 210 orang menerima Bintang Sultan Ismail (B.S.I.)

Sementara itu Baginda Sultan Johor juga berkenan melantik seramai 18 orang sebagai Jaksa Pendamai (J.P.).